



Tahap Penguasaan Kosa Kata Dialek Melayu Tradisional Sarawak dalam Kalangan Remaja Melayu di Universiti Teknologi Sarawak.

The Level of Proficiency in the Vocabulary Mastery of the Traditional Malay Dialect of Sarawak among Malay Youths at University Of Technology Sarawak.

Dayang Nazirah Bt Awang Sihat^{1,*}, Nabillah Bt Bolhassan¹, Nadira Abd Rahman¹

¹Centre for University Courses and Innovative Learning, University of Technology Sarawak, No 1, Jalan University, 96000 Sibu, Sarawak, Malaysia.

*Corresponding Author ;E-mail: nazirah@uts.edu.my,

Article Info

Article history:

Received: 29/01/2024

Accepted: 24/04/2024

Published: 30/04/2024

DOI:

<https://doi.org/10.33102/alazkiya.a80>

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada tahap penguasaan dialek Melayu tradisional Sarawak dalam kalangan remaja Melayu di Universiti Teknologi Sarawak. Berdasarkan pemerhatian, kebanyakan remaja di kawasan kajian tidak memahami perkataan yang dituturkan oleh warga emas. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kosa kata dialek Melayu tradisional Sarawak serta menganalisis punca ketidakfahaman remaja Melayu ini terhadap perkataan dialek Melayu tradisional Sarawak. Kajian dijalankan melalui soal selidik dan pemerhatian yang melibatkan 50 orang responden. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan remaja tidak memahami dan menguasai dialek tersebut. Melalui hasil kajian yang dijalankan, dapat memberi pendedahan mengenai dialek Melayu tradisional Sarawak dalam kalangan remaja dan seterusnya dapat mengekalkan kelestarian dialek tersebut.

Kata Kunci: Dialek Melayu tradisional Sarawak, kosa kata, perbualan

ABSTRACT

This study analyses the level of proficiency of the Traditional Sarawak Malay Dialect among Malay teenagers at the University of Technology Sarawak. Based on observations, most of the teenagers in the study area do not comprehend the words spoken by the elderly. The objectives of this research are to identify the vocabulary of the Traditional Sarawak Malay dialect as well as to analyse the cause of the Malay youth's lack of understanding of the words. The study was conducted via questionnaires and observations involving 50 respondents. The study found that most of the teenagers do not understand and master the dialect. The results of the study revealed the level of proficiency of the Traditional Sarawak Malay Dialect among teenagers while at the same time provide ways to ensure the sustainability of the dialect.

Keywords: *Traditional Sarawak Malay Dialect, vocabulary, conversation*

PENGENALAN

Masyarakat Melayu Sarawak terdiri daripada penduduk yang mendiami Sarawak dan merupakan antara golongan yang terbesar di negeri Sarawak selepas kaum Iban. Sejak zaman pemerintahan Brooke lagi, orang Melayu mendapat tempat yang khusus dalam sistem pentadbiran kini apabila penduduk Melayu mula mendominasi organisasi dalam sektor kerajaan mahupun swasta di sekitar kawasan Kuching.

Penduduk Melayu Sarawak mempunyai bahasanya tersendiri dan bahasa yang diucapkan itu berbeza dengan bahasa Melayu baku (BMB) yang dituturkan di Semenanjung Malaysia. Dialek Melayu Sarawak (DMS) memperlihatkan banyak perbezaan yang berlaku dari dahulu hingga sekarang, dan keadaan ini telah menyebabkan golongan remaja kini kebanyakannya tidak memahaminya. Dialek ini menjadi medium integrasi nasional antara kaum di Sarawak serta menjadi sumber interaksi khusus bagi kaum Melayu (Collin, 1993). Namun, ada segelintir masih boleh memahami Dialek Melayu Tradisional Sarawak (DMTS) yang kebanyakannya dituturkan oleh warga emas. Masyarakat Melayu dahulu dan sekarang amat berbeza cara pertuturan mereka akibat daripada peredaran masa dan pada masa dahulu masyarakat Melayu Sarawak menggunakan DMTS. Terdapat daerah tertentu seperti Kabong, Pusa, Roban, Sebangon di Sarawak masih mengekalkan penggunaan DMTS. Namun, penggunaan dialek Melayu tradisional Sarawak pada masa kini sudah tidak lagi diucapkan dalam kalangan remaja.

DMTS ialah dialek Melayu yang dituturkan oleh masyarakat Melayu lama Sarawak atau masyarakat yang berada di sesetengah daerah Sarawak. Pada masa kini, DMTS tidak lagi dipertuturkan secara meluas oleh masyarakat Melayu Sarawak berbanding dengan DMS yang sedia ada dituturkan pada masa kini. Selain itu, DMTS merupakan dialek yang terhad penggunaanya kerana hanya golongan tertentu sahaja

yang masih menurutkannya dan tidak semua golongan boleh memahami maksud DMTS ini berbanding dengan DMS kini yang lebih meluas penggunaannya.

Di samping itu, DMTS boleh dikatakan berada di ambang kepupusan kerana penggunaannya semakin berkurangan bahkan para ibu bapa pada masa kini terutamanya masyarakat Melayu Sarawak sudah kurang menggunakan DMTS ketika berkomunikasi dan terdapat pengaruh bahasa Melayu standard dalam perbualan harian walaupun masih menggunakan DMS.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti kata dialek Melayu Tradisional Sarawak yang tidak difahami oleh remaja Melayu Sarawak di Universiti Teknologi Sarawak.
2. Menghuraikan punca ketidakfahaman remaja Melayu ini terhadap kosa kata bahasa Melayu tradisional.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan kaedah kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan soal selidik dalam pengumpulan data. Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data di lapangan, pemerhatian dan mengedarkan soal selidik di sekitar kawasan kajian iaitu di Universiti Teknologi Sarawak (UTS). UTS dipilih sebagai lokasi kajian kerana Universiti ini merupakan Universiti hak milik Sarawak sepenuhnya dan majoriti pelajarinya anak tempatan.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Madzhri Johari (1988, hlm. 5), DMS merupakan dialek yang tidak jauh bezanya dengan dialek-dialek Melayu yang lain. Namun, pada hakikatnya DMS dengan dialek-dialek lain amat ketara perbezaan dari segala aspek, dan perbezaannya tersebut telah menyebabkan DMS menjadi unik dan tersendiri. Madzhi Johari (1988, hlm. 5) dalam Fonologi Dialek Melayu Kuching Sarawak mendeskripikan fonetik dan fonemik dialek Melayu di Kuching dalam bukunya dan menyelidik ragam di sekitar Kuching, Muara Tebas, dan di sekitar kawasan Santubong.

Dalam kajian lain Zainal Kling (1976, hlm. 1-33) telah menghasilkan sebuah makalah yang berjudul *"life-cycle and the socialization of rules among rural Malays in Sarawak"*. Dalam makalah tersebut terdapat sedikit perkaitan berkenaan dengan DMS yang diketengahkan oleh Zainal Kling. Menurut A.A Cence dan E.M Uhlenbeck (1958, hlm. 7-8) *"Concerning Sarawak Malays very little is known"*, dalam DMS berjumlah hanya sebanyak tujuh baris. Pendapat ini juga disokong oleh (Buck, 1933) yang menyatakan bahawa sebelum merdeka, hanya terdapat sebuah tulisan yang pernah terbit tentang DMS.

Dialek merupakan kelainan atau variasi daripada satu bahasa iaitu sebagai satu ragam bahasa yang dapat dibezakan dengan tegas daripada ragam-ragam lain

berdasarkan ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Collin (1988, hlm. 197) mentakrifkan dialek sebagai satu ragam bahasa yang dapat dibezakan dengan tegas daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan satu kosa kata dan tatabahasa. Ragam bahasa ini terdapat dalam daerah geografi. Manakala Idris Haji Nor (1961) mentakrifkan dialek sebagai variasi suatu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur masyarakat bahasa ataupun gaya menuturkan sesuatu bahasa dalam sesuatu daerah. Dialek ini mempunyai bentuk tertentu yang dituturkan dalam kawasan tertentu. Seperti mana DMTS yang segelintirnya masih berkembang dalam sesebuah daerah di Sarawak.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Pengkaji telah mengenal pasti dan menghuraikan kosa kata yang tidak difahami remaja Melayu Universiti Teknologi Sarawak (UTS) berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada responden yang terdiri daripada remaja Melayu UTS.

Berdasarkan pengumpulan data kosa kata DMTS yang telah dikenal pasti dalam kajian adalah sebanyak 10 kosa kata.

Jadual 1. Kosa kata 1 hingga 10

Bil	Dialek Melayu Tradisional Sarawak	Bahasa Melayu Baku	Contoh Ayat
1.	Gadong [ga.don]	Hijau	"Kitak makei warna gadong ari tok" (awak guna warna hijau hari ini)
2.	Lang [la.ŋ]	Pintu	"ambik rah belakang lang" (ambil di belakang pintu)
3.	Jaber [ja.ber]	Singki	"atas jaber tapak ya" (pinggan atas singki)
4.	Ngkodok [ŋ.ko.dok]	Ungu	"kacak warna ngkodok ya" (cantik warna ungu tu)
5.	Ladin [la.din]	Pisau	"mak nei ladin" (mak mana pisau)
6.	Bakak [ba.kaʔ]	Bakul	"carik dalam bakak" (cari dalam bakul)
7.	Beketum [be.ke.tum]	Terperap	"kenak kitak beketum" (kenapa awak terperap je)

8.	Pelengos [pe.le.ŋos]	Cuai	"kenak kitak pelengos gilak" (kenapa awak cuai?)
9.	Amopuro [a.mo.pu.ro]	Kotor	"amopuro dah baju kitak" (dah kotor baju awak)
10.	Degis [de.gis]	Kedekut	"degis na juak kitak" (kedekut la awak ni)

Kosa kata di atas diperoleh daripada remaja Melayu Sarawak yang menuturkan DMTS di lokasi kajian. Kosa kata 1 'gadong' dalam DMTS bermaksud hijau. Hijau boleh membawa makna warna atau juga boleh membawa maksud mentah. Namun begitu mengikut maksud dalam konteks kajian, hijau tersebut adalah warna. Masyarakat Melayu Sarawak kini kebanyakannya masih menggunakan DMTS yang selalunya dituturkan oleh masyarakat Melayu Sarawak. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan peratusan yang menjawab betul dalam kurungan hijau adalah sebanyak 52% manakala 48% yang menjawab salah dalam kurungan hitam. Ini menunjukkan bahawa remaja kerap menggunakan perkataan 'gadong' dalam perbualan mereka, sama ada di rumah mahupun di luar rumah. Penggunaan kosa kata 'gadong' adalah amat meluas kerana sejak turun-menurun kosa kata 'gadong' ini digunakan dalam perbualan harian. Namun begitu, perkataan 'gadong' yang dieja 'gadong' merupakan sejenis tumbuhan liar iaitu pokok yang melilit dan umbinya mengandungi racun, tetapi jika direndam dalam air atau dibancuh dengan abu basah, tumbuhan ini boleh dimakan (Kamus Dewan Edisi Keempat). Manakala dalam DMS 'gadong' perbezaan dari sudut sebutan, apabila berlaku perubahan vokal < u > dan < o > yang memberi makna berlainan.

Bil	Pilihan jawapan	Peratusan
1	Hijau	52%
2	Hitam	48%

Kosa kata 2 'lang' bermaksud pintu dalam DMTS. Pintu menurut Kamus Dewan Edisi Keempat membawa maksud ruang untuk keluar atau masuk. Masyarakat Melayu Sarawak kini terutamanya remaja menggunakan kosa kata 'pintu' dalam perbualan harian bagi menggantikan maksud 'lang' DMTS tersebut. Penggunaan perkataan 'lang' sudah semakin pupus dan semakin terpinggir penggunaannya. Ini jelas dalam peratusan yang telah diperoleh oleh pengkaji dalam soal selidik. Kebanyakan remaja tidak mengetahui maksud perkataan 'lang' tersebut dan kebanyakan mereka menjawab 32% sahaja yang betul daripada 50 orang responden dan 68% yang menjawab salah kerana kurangnya pendedahan terhadap penggunaan kosa kata 'lang' tersebut dalam perbualan harian.

Bil	Pilihan jawapan	Peratusan
1	Wau	68%
2	Pintu	32%

Kosa kata 3 ialah 'jaber', merupakan tempat mencuci pinggan mangkuk dan juga merupakan tempat untuk mandi. Sinki adalah penadah air paip tempat membasuh pinggan mangkuk menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan remaja Melayu tidak mengetahui maksud 'jaber' tersebut kerana pada masa sekarang penggunaan kosa kata tersebut sudah kurang meluas dan tidak diucapkan lagi. Jika dilihat peratusan remaja yang memahami kosa kata tersebut jelas menunjukkan bahawa 18% menjawab betul dan 82% tidak menjawab dengan tepat. Namun, jika dilihat daripada sudut pemerhatian kebanyakan remaja yang masih mengetahui penggunaan 'jaber' ini adalah daripada dalam kalangan remaja yang keluarganya masih menuturkan perkataan 'jaber' dalam perbualan harian mereka.

Bil	Pilihan jawapan	Peratusan
1	Singki	18%
2	Meja	82%

Kosa kata 4 'ngkodok' yang bermaksud warna ungu amat luas penggunaannya kerana hasil daripada soal selidik remaja Melayu memahami maksud kosa kata tersebut akibat pengaruh sekeliling. Kamus Dewan Edisi Keempat menjelaskan ungu adalah warna merah yang telah dicampur dengan warna biru (Merah+Biru=Ungu). Mengikut peratusan sebanyak 34% remaja yang tidak mengetahui maksud 'ngkodok' manakala 66% pula mengetahui bahawa 'ngkodok' adalah warna ungu. Namun, apabila pemerhatian dilakukan kebanyakan remaja teragak-agak untuk menjawab kerana mereka keliru dengan pilihan jawapan 'katak' tersebut, selain daripada perkataan 'katak' terdapat juga perkataan 'kodok' yang juga membawa maksud 'katak'. Kekeliruan tersebut juga menyumbang kepada faktor pemahaman remaja mengenai maksud 'ngkodok' tersebut.

Bil	Pilihan jawapan	Peratusan
1	Ungu	66%
2	Katak	34%

Kosa kata 5 adalah 'ladin' yang merupakan sejenis peralatan tajam yang digunakan sebagai pemotong, atau dalam bahasa Melayu baku (BMB) 'ladin' adalah pisau. Terdapat juga kosa kata 'laden' yang membawa maksud melayani atau mempedulikan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Masyarakat Melayu Sarawak kebanyakannya tidak lagi menggunakan perkataan 'ladin', namun 'ladin' masih diucapkan oleh segelintir penduduk daerah tertentu di Sarawak seperti Sebangon (Asajaya), Pendam (Asajaya), Kabong, Pusa dan lain-lain. Apabila pengkaji menjalankan

soal selidik, pengkaji mendapat respon yang tidak dijangka kerana pemahaman remaja mengenai kosa kata 'ladin' tersebut sangat memberangsangkan kerana mereka memahami maksud kosa kata tersebut sebanyak 57% remaja menjawab dengan betul dan 43% menjawab salah.

Bil	Pilihan jawapan	Peratusan
1	Lampu	43%
2	Pisau	57%

Kosa kata 6 adalah 'bakak' yang membawa maksud bakul dalam DMTS. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bakul bererti bekas untuk menyimpan barang yang diperbuat daripada anyaman buluh. Namun begitu, dalam Kamus Dewan Edisi Keempat juga terdapat istilah penggunaan 'bakak' tetapi membawa makna yang berlainan iaitu sejenis kain yang bewarna merah atau biru yang berpetak-petak. Perbezaan ini amat ketara kerana setiap bahasa dan dialek akan wujud perbezaan dari segi makna dan ejaan. Hasil daripada dapatan kajian, peratusan yang menjawab salah adalah sebanyak 64% dan menjawab betul 36%. Ini jelas menunjukkan bahawa remaja tidak memahami maksud kosa kata mahupun sebutan tersebut, kerana Masyarakat Melayu Sarawak sekarang bukan hanya remaja tidak lagi menggunakan kosa kata 'bakak' dan telah digantikan dengan penggunaan BMB iaitu bakul dalam perbualan harian.

Bil	Pilihan jawapan	Peratusan
1	Bakul	36%
2	Kayu	64%

Kosa kata 7 'beketum' membawa maksud seseorang yang ingin meminggirkan diri dengan erti menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, 'terperap' membawa maksud terkurung atau tidak terurus. Hasil kajian berdasarkan kosa kata ini menunjukkan bahawa penggunaan perkataan 'beketum' masih lagi dipraktiskan kerana peratusan memilih jawapan yang tepat sangat tinggi iaitu sebanyak 78% dalam kalangan remaja dan peratusan yang menjawab salah sebanyak 22%. Jelas menunjukkan bahawa kosa kata 'beketum' ini masih digunakan sebagai perbualan harian dalam kalangan remaja Melayu Sarawak sehingga kini. Melalui pemerhatian pengkaji, remaja Melayu Sarawak jarang menggunakan perkataan 'terperap' kerana mereka lebih menggunakan perkataan Melayu Sarawak tradisional iaitu 'beketum'.

Bil	Pilihan jawapan	Peratusan
1	Terperap	78%
2	Daun	22%

Kosa kata 8 adalah 'pelengos' yang membawa maksud cuai. Cuai mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud tidak hati-hati dalam membuat sesuatu, seperti lalai

atau abai sesuatu perkara yang dianggap tidak penting. Sebanyak 82% remaja tidak mengetahui apa yang dimaksudkan kosa kata 'pelengos', manakala sebanyak 18% remaja sahaja yang mengetahui maksud tersebut. Jelas menunjukkan bahawa kosa kata tersebut tidak lagi diperluaskan penggunaannya pada masa kini akibat daripada perubahan dialek semasa yang banyak menerapkan BMB dalam perbualan harian dan tidak mustahil pada masa akan datang penggunaan kosa kata 'pelengos' tidak akan didengari dari bibir masyarakat Melayu Sarawak.

Bil	Pilihan jawapan	Peratusan
1	Cuai	18%
2	Misai	82%

Kosa kata 9 'amopuro' membawa maksud kotor. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat kotor membawa maksud tidak bersih, tidak jernih dan cemar. Kosa kata 'amopuro' masih boleh difahami oleh remaja Melayu kerana kosa kata ini masih dituturkan dalam penggunaan harian. Pengkaji mendapati 82% remaja Melayu UTS mengetahui kosa kata ini dan hanya 18% sahaja yang tidak mengetahui. Peratusan tersebut menunjukkan bahawa 'amopuro' masih dikekalkan penggunaannya sehingga kini kerana hasil pemerhatian soal jawab terhadap remaja UTS, mereka menyatakan bahawa kosa kata tersebut sering kali digunakan dalam perbualan harian mereka.

Bil	Pilihan jawapan	Peratusan
1	Biskut	18%
2	Kotor	82%

Kosa kata 10 'degis' yang bermaksud bakhil. Bakhil bermaksud kedekut menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Peratusan remaja Melayu UTS yang menjawab salah sebanyak 80% dan 20% menjawab dengan betul. Kosa kata 'degis' jarang digunakan dalam perbualan harian dan kebanyakan ibu bapa juga sudah tidak menggunakan kosa kata 'degis' dalam perbualan harian mereka dan lebih cenderung menggunakan kosa kata degil. Jika dilihat dari sudut ejaan 'degis' dalam DMTS dan 'degil' dalam BMB mempunyai hampir persamaan dari sudut ejaan. Namun begitu, maksud di antara dua kosa kata tersebut adalah berbeza.

Bil	Pilihan jawapan	Peratusan
1	Bakhil	20%
2	Sakit	80%

KESIMPULAN

Masyarakat Melayu Sarawak memainkan peranan penting dalam mengekalkan warisan budaya kerana DMTS adalah dialek yang perlu dilindungi daripada mengalami

kepupusan kerana kurangnya pendedahan terhadap penggunaan DMTS ini dalam perbualan harian sehinggakan remaja kini tidak ramai yang mengetahui tentang wujudnya DMTS.

Usaha menyeluruh perlulah dilakukan untuk memberi pendedahan DMTS seperti memperkasakan lagi segmen warga emas yang sering berkumandang di stesen radio Sarawak FM dan Sibu FM dengan melibatkan remaja dalam segmen tersebut. Selain itu, kemunculan drama yang menggunakan DMTS perlulah juga di ambil kira kerana Sarawak mempunyai stesen tv sendiri dan merupakan salah satu peluang dalam memberi pendedahan kepada remaja. Penglibatan remaja dalam memperkasakan DMTS bukanlah bermaksud meminggirkan BMB dan DMS sedia ada tetapi dengan adanya peranan remaja maka DMTS tidak akan hilang ditelan arus zaman.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran atau pembiayaan dari sektor awam, swasta atau pertubuhan bukan berasaskan keuntungan.

SUMBANGAN PENULIS

Dayang Nazirah : (Penulisan, Menganalisis, Penyeliaan)

Nabillah Bolhassan : (Menganalisis, Penulisan)

Nadira : (Data, Penulisan)

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam kajian ini.

PENYATAAN ETIKA

Kajian ini telah dijalankan mengikut garis panduan penyelidikan yang telah ditetapkan. Persetujuan telah diperolehi daripada peserta dan segala butiran peserta terpelihara.

RUJUKAN

Asmah Haji Omar. (1992). *Aspek bahasa dan kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (1986). *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (1977). *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. (1983). *The Malay peoples of Malaysia and their language*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abang Yusuf Puteh. (1969). *The Malay cultures of Sarawak*: SHOBRA Publications Sdn Bhd.

Buyong Adil. (1981). *Sejarah Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Buck, W.S.B. (1993). *Vocabulary of Sarawak Malay*. *Sarawak Museum Journal*, 4(13). 187-192.

Daftar kata Dialek Melayu Sarawak. (1998). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Collins, J.T. (1987). *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chamber, J.K & Trudgil, P. (1990). *Dialektologi* (penterjemah: Anuar Ayun). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Madzhi Johari. (1988). *Fonologi dialek Melayu Kuching* (Sarawak). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Ali Salim. (2015). *Dialek Melayu Sarawak perkataan, ayat dan perbualan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim. (2011). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Kling. (1976). *Life, cycle and the socialisation of values among rural Malay in Sarawak*. *Sarawak Museum Journal*. 24(45) 1-33.